

**(Majlis Mesyuarat disambung
semula pada pukul 2.30 petang)**

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pada sebelah pagi tadi kita telah mendengar pembentangan daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II berhubung dengan Satu Rang Undang-Undang yang bergelar Suatu Akta Untuk Membekalkan sejumlah wang dari Kumpulan Wang Yang Disatukan bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2022/2023 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu.

Maka kita telah pun membuka perbincangan mengenai dengan rang undang-undang ini dengan beberapa orang ahli telah memberikan pandangan mereka dan sekarang kita sambung semula perbincangan yang awal itu dengan menjemput Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim, silakan.

**Yang Berhormat Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Putera Maharaja
Dato Paduka Awang Haji Abdul
Ghani bin Pehin Datu Pekerma
Dewa Dato Paduka Awang Haji
Abdul Rahim:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola menyokong penuh Anggaran Belanjawan Rang Undang-Undang Perbelanjaan Negara bagi tahun kewangan 2022/2023. Tahniah kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II atas penerangan-penerangan yang telah diberikan yang penuh komprehensif dan menyeluruh. Sesungguhnya apa Yang Berhormat Menteri Kewangan utarakan dan paparkan kepada kita semua, sangat-sangatlah jitu dan padu serta menepati apa yang kitani hasratkan untuk menjayakan aspirasi negara khususnya menjayakan Wawasan Brunei 2035.

Tema yang diketengahkan oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan berbunyi Memperkasa Kesejahteraan Awam Ke Arah Sosioekonomi Yang Lebih Resilien. Ia dipilih tentulah dengan fokus-fokus tertentu dan dari penerangan Yang Berhormat Menteri tersebut, kita melihat satu jangka di masa hadapan yang sangat-sangat mengembirakan kerana banyak peruntukan-peruntukan yang bakal disediakan itu akan dapat menangani masalah-masalah ekonomi dan lain-lain sektor di negara kitani.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Kaola sangat tertarik dengan beberapa projek yang akan diberi keutamaan terutamanya dalam projek pertanian seperti industri aquakultur, penanaman padi di Kandal, projek ternakan dan juga projek-projek lain yang mana

perlaksanaan akan membawa limpahan rahmat dan rezeki kepada rakyat negara ini. Mudah-mudahan perancangan yang telah pun dirancang itu akan berjaya diusahakan dengan penuh komitmen dan juga penuh kerjasama daripada semua agensi-agensi kerajaan secara *Whole of Government* dan berjaya menukar landskap ekonomi negara ke arah yang lebih maju lagi. Inisiatif-inisiatif baru untuk menanai penjana ekonomi negara mudah-mudahan akan dapat diteruskan dengan penyediaan rang perbelanjaan ini dan perkara-perkara yang berkaitan dengan penjana ekonomi ini akan terus berfaedah untuk rakyat dan negara ini terutamanya FDI yang mana akan diusaha sama dengan *DARe* ataupun *Darussalam Enterprise*, semata-mata untuk meningkatkan ekonomi negara.

Akhirnya, koala doakan semoga Negara Brunei Darussalam akan terus maju di bawah kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan izinNya dan rahmat والله سبحانه وتعالى jua. Akhirnya koala ucapkan terima kasih والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
Penularan *COVID-19* telah memberikan kesan kepada keseluruhan aktiviti

ekonomi di seluruh negara termasuk sektor penternakan dan ini termasuklah industri ayam. Perlaksanaan beberapa sekatan telah menyebabkan ternakan terpaksa mengehendkan pengoperasian. Hal ini telah menyebabkan penurunan permintaan dan penggunaan telur, sebilangan ahli perniagaan dan pengusaha makanan tempatan.

- i) Oleh itu, diminta pihak yang berkenaan menyatakan sejauh manakah penularan *COVID-19* di negara ini memberikan kesan pada sektor penternakan telur ayam bagi memastikan bekalan makanan terutamanya bekalan telur domestik sentiasa mencukupi dan terjamin;
- ii) Kaola minta pihak kementerian menjelaskan mengenai perancangan pembelian ubat *antiviral* oleh kerajaan. Apakah langkah-langkah yang diambil pihak kerajaan dalam memastikan bekalan ubat *antiviral* ini akan sentiasa mencukupi;
- iii) Kaola minta pihak kementerian menjelaskan mengenai status pembekalan *Art Test Kits* yang amat diperlukan seiring dengan meningkatnya kes *COVID-19* saban hari bagi memastikan kesejahteraan rakyat akan terus terjamin;
- iv) Diminta pihak yang berkenaan menyatakan sekiranya ada pihak kerajaan untuk melantik ejen bagi membekalkan barangan keperluan asas ke kawasan pedalaman bagi mengelakkan harga barang yang dijual ini tinggi oleh orang tengah;

- v) Kaola minta pihak yang berkenaan bagi menyatakan bilangan pasar tani dan peserta mengikut daerah dan apakah hasil pengeluaran pertanian tempatan dapat menampung keperluan penduduk setakat ini? Dan apakah langkah-langkah yang diambil pihak kerajaan dalam merencanakan lagi kecukupan bekalan tempatan di semua peringkat daerah;
- vi) Kaola minta pihak kementerian yang berwajib menyatakan apakah langkah-langkah kerajaan dalam mengurangkan kebergantungan terhadap import makanan dan seterusnya menjamin keselamatan makanan terutamanya di masa-masa kecemasan;
- vii) Kaola ingin penjelasan dari pihak kementerian bagi menyatakan apakah ada perancangan kementerian dalam menambah baik sistem pembelajaran talian internet pelajar-pelajar terutamanya yang berada di kawasan pedalaman yang mana menunjukkan terdapatnya isu pencapaian internet yang boleh menjejaskan proses pembelajaran dan pengajaran melalui talian yang menggunakan internet. Isu pencapaian internet ini juga dialami oleh segelintir penduduk yang tinggal di kawasan bandar yang mana isu *internet lagging* terjadi oleh kerana pemakaian ramai orang dalam satu-satu masa di satu-satu tempat;
- viii) Kaola minta penjelasan dari pihak kementerian yang berwajib untuk menyatakan adakah perancangan untuk tujuan penghasilan vaksin *COVID-19* bagi memastikan keselamatan negara dan juga sebagai persediaan sekiranya berlaku varian baharu. Dengan ini juga mengurangkan pengeluaran pendapatan negara keluar negeri;
- ix) Kaola minta pihak kementerian yang berkenaan menjelaskan berhubung nasib golongan orang kurang upaya selepas habis tempoh tamat pengajian. Adakah peruntukan untuk membina program yang menawarkan peluang pekerjaan di sektor kerajaan dalam usaha meningkatkan kredibiliti negara untuk menempuh pengalaman pekerjaan sebenar. Pada masa akan datang dan dengan pengalaman itu diharapkan boleh meningkatkan kebolehpasaran golongan orang kurang upaya di negara ini; dan
- x) Kaola mencadangkan agar syarikat-syarikat swasta dapat melibatkan diri dalam menyediakan komputer riba atau internet kepada pelajar yang kurang berkemampuan atau dari kalangan keluarga yang berpendapatan rendah untuk menjalankan tanggungjawab sosial dalam membantu keperluan murid-murid dan para siswazah dengan melihat kepada aspek sesebuah syarikat itu.

Sekian terima kasih Yang Berhormat
Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II atas pembentangan kertas cadangan Rang Undang-Undang (2022) Perbekalan Negara bagi perkhidmatan Tahun Kewangan 2022/2023 untuk membenarkan pengeluaran sejumlah \$5.7 bilion dari Kumpulan Wang Yang Disatukan yang sangat jelas dan komprehensif.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Memandangkan situasi minyak dunia masih di tahap yang tidak menentu tambahan kesan *COVID-19*, maka sebagai negara pengeluaran minyak mempengaruhi ekonomi negara ini kerana kejatuhan harga minyak dunia dan penurunan pengeluaran minyak. الحمد لله, dari sektor bukan minyak dan gas, ada peningkatan kadar 1%. Walau bagaimanapun, kini fiskal negara masih menghadapi cabaran defisit sejumlah \$2.5 bilion iaitu meningkat dari tahun lepas.

Maka kawalan perbelanjaan yang baharu dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan

Menteri Kewangan dan Ekonomi II tadi kelihatannya masih diteruskan. Bagi menghadapi peningkatan defisit sesuai dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kelapan Belas Majlis Mesyuarat Negara pada 23 Rejab 1443 Hijrah bersamaan 24 Februari 2022 Masihi yang mengingatkan bahawa:

"...kewangan negara hendaklah dikendalikan dengan berhemah dan berdisiplin serta berdasarkan keutamaan...".

Sesungguhnya kaola menyokong penuh Rang Undang-Undang (2022) Perbekalan ini kerana ianya usaha untuk mengurangkan unjuran defisit belanjawan negara, iaitu bertujuan untuk mewujudkan *fiscal space* yang cukup agar perbelanjaan kerajaan akan dapat disalurkan kepada projek-projek utama dan perlu sahaja bagi mencapai keseimbangan belanjawan dan memastikan kestabilan fiskal negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Dalam pembentangan tadi, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II menjelaskan beberapa inisiatif yang telah dan akan dilaksanakan sebagai cara negara ini berbelanja secara berhemah dan dirancang iaitu bertemakan memperkasakan

kesejahteraan awam ke arah sosioekonomi yang lebih resilien mengikut keutamaan dan keperluan serta berwaspada agar ada ruang yang luas untuk memberi pekerjaan kepada anak-anak tempatan menerusi projek perusahaan dan pelaburan yang mampu menyediakan kepelbagaian ekonomi terutama dalam sektor swasta dan menarik Pelabur Langsung Asing (*FDI*) yang sudah pasti membantu perkembangan ekonomi negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Rakyat harus bersyukur kerana perbelanjaan masih mengutamakan keperluan kebajikan dan kesejahteraan awam yang berkaitan dengan pendidikan, kesihatan, keugamaan, kebelaian, kemudahan-kemudahan awam dan membantu golongan orang yang kurang mampu dan kurang upaya serta bantuan kepada pengusaha-pengusaha sektor swasta dan pekerja sendiri yang turut terkesan dengan *Covid 19*.

Kesimpulan tadi pembentangan cadangan Rang Undang-Undang (2022) Perbekalan Negara bagi perkhidmatan Tahun Kewangan 2022/2023 oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II adalah jelas rakyat dan penduduk negara ini masih dapat menikmati kesejahteraan dan kemakmuran berkat kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang sentiasa memedulikan rakyat di samping tidak menepikan keperluan dan matlamat penting kerajaan agar penduduk dan negara menikmati segala kemudahan dan inisiatif kerajaan secara berterusan.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Saya persilakan Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong

Oh: Terima Kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola menyokong sepenuhnya Rang Undang-Undang (2022) Perbekalan, 2022/2023 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Kaola menyentuh mengenai satu perkara, iaitu perbekalan semasa secara *ad hoc*. Sejak gelombang kedua wabak *COVID-19* melanda negara kita pada 9 Ogos 2021 kesemua kementerian telah mengambil inisiatif dan langkah-langkah berjaga-jaga untuk melindungi kakitangannya dan menyediakan PPE kit ujian, sanitasi dan sebagainya. Dengan tiadanya penghujung wabak, pembelian berkenaan akan berterusan. Memandangkan peruntukan perbelanjaan ini adalah secara *ad hoc* tidak dirancang dalam bajet setiap kementerian. Saya ingin mencadangkan agar setiap kementerian membuat bajet untuk perbelanjaan berkaitan dengan *COVID-19* dengan membuat perancangan bajet jumlah keseluruhan perbelanjaan kementerian akan

membantu Kementerian Kewangan dan Ekonomi dalam merancang secara strategik untuk belanjawan tahun berikutnya. Sekian, Terima Kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong: السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terima Kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola menggabungkan diri menyokong Rang Undang-Undang Perbekalan 2022/2023 yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II sebentar tadi.

الحمد لله kitani bersyukur dengan bajet bagi Tahun Kewangan 2022/2023 sebanyak \$5.7 bilion walaupun ia kurang dari bajet Tahun Kewangan 2021/2022 tapi kaola yakin ia adalah satu langkah penjimatan di samping usaha-usaha lain yang menjana kepada pendapatan negara melalui projek-projek berasaskan *value for money*. Dalam hal ini kaola ingin mengetahui projek-projek manakah yang dilaksanakan dalam tempoh-tempoh yang lalu dan mendatangkan hasil *value for money* yang ditekankan pada sesi Majlis Mesyuarat Negara yang lalu. Kaola berpendapat projek-projek berkenaan perlu diambil contoh dan kaedah dan pendekatannya untuk digunakan oleh jabatan dan kementerian berkenaan dalam membelanjakan bajet tahun ini kaola percaya hasil pendapatan dari projek-projek sebelumnya dan projek

yang akan diungkayahkan bolehlah kitani nilai dari segi kegunaannya untuk masyarakat yang memerlukan serta dan untuk menjana projek kebajikan bagi kesenangan rakyat.

Yang Berhormat dan Yang Di-Pertua, kaola juga menyentuh dengan peruntukan rampaian yang yang berjumlah \$790 juta. Kaola difahamkan jabatan-jabatan berkenaan diperlukan untuk memohon bagi menggunakan peruntukan ini. Usulan kaola supaya kalau dapat cadangan-cadangan yang dihadapkan akan dapat ditunduki dengan berkesan dan cepat dan bukan saja fokus kepada permintaan projek-projek tertentu dan berskala besar, juga berbentuk projek *value for money* dan ianya menguntungkan negara dan komuniti dan terutama kepada program-program atau projek yang menjana kepada *incubation product*, produk-produk ciptaan orang Brunei demi membantu dalam proses pengkomersialan untuk jualan pasaran domestik dan antarabangsa.

Produk yang kaola maksudkan adalah sebagai contoh produk-produk industri kecil dan sederhana (*SME*), 1P1K dan yang berbentuk penyelidikan dari pusat-pusat pengajian tinggi dan produk-produk dan pertandingan CIPTA dan sebagainya. Kaola percaya dengan bantuan kewangan itu nanti, produk-produk ciptaan itu bukan sahaja akan menjadi kebanggaan negara akan tetapi juga akan membantu perkembangan ekonomi negara dan rakyat. Sekian, Terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Saya persilakan Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman:

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola memohon sekali lagi untuk mengemukakan soalan bagi tambahan kepada soalan kaola pada sebelah petang tadi. Konsentrasi kaola sedikit terganggu pagi tadi Yang Berhormat Yang Di-Pertua mungkin sebab pembentangan yang sangat komprehensif dan bernas. Kita mengetahui negara telah mula mengalami defisit yang substantif sekian lama setiap tahun bermula tahun 2015 hinggalah 2022 seperti yang dianggarkan kecuali pada tahun 2018.

Saya memahami bahawa beberapa strategi sedang dilaksanakan dan usaha-usaha negara yang tidak putus-putus dalam melaksanakan strategi-strategi tersebut. Namun, melihat kepada keperluan dan kepentingan negara yang bertindak untuk bertindak dan mencapai kemampanan atau *sustainability*, apakah pilihan lain yang kita ada dan bagaimanakah negara hendak mengatasi isu defisit jangka panjang ini. Negara juga telah mengurangkan perbelanjaan sebanyak yang boleh tetapi kita juga tidak seharusnya menggunakan simpanan negara (*reserved fund*) kita secara berterusan. Terima Kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Rang Undang-Undang (2022) Perbekalan 2022/2023 yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II telah juga dibincangkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dan sekarang tibalah masa bagi kita untuk mengundi sama ada Rang Undang-Undang ini kita luluskan atau sebaliknya.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Nampaknya semua Ahli-Ahli Yang Berhormat bersetuju dan Rang Undang-Undang ini diluluskan.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Satu Akta untuk membekalkan sejumlah wang dari Kumpulan Yang Disatukan bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2022/2023 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-Ahli Yang Berhormat terdahulu daripada ini tadi Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II telah memberikan notis untuk membuat beberapa kenyataan berhubung beberapa soalan yang dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dilantik. Saya akan memberikan kesempatan kepada Yang Berhormat untuk membuat sedemikian apabila tiba masanya nanti.

Sekarang kita teruskan mesyuarat kita. Rang Undang-Undang (2022) Perbekalan 2022/2023 akan kita teliti pula satu persatu maka bagi membolehkan perkara ini dilaksanakan saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara dan Majlis ini akan bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat sekarang Majlis ini bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi membincangkan Rang Undang-Undang (2022) Perbekalan, 2022/2023 satu persatu yang telahpun dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Bab 2, Ceraian (1) dan (2).

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang kita membincangkan Bab 2, Ceraian (1) dan (2), sekiranya ada Ahli-Ahli yang ingin untuk membahaskan, jika tidak ada maka saya ingin bertanya sekarang bagi Ahli-Ahli yang bersetuju supaya Bab 2, Ceraian (1) dan (2) kita luluskan, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Yang Dimuliakan Jurutulis: Bab 2, Ceraian (1) dan (2) dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya telah difahamkan bahawa Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II telah memohon dan berhasrat supaya Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri akan dapat terlebih dahulu dibincangkan. Dengan yang demikian, saya ingin menjemput Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II untuk menyampaikan penerangannya atau mukadimahnyanya tentang penyediaan belanjawan kementerian Yang Berhormat itu, silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

dan salam sejahtera Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola ingin berterima kasih kepada Yang Berhormat Pehin Pengerusi kerana memberi peluang bagi kaola menyampaikan mukadimah di Dewan yang mulia pada hari ini. الحمد لله bagi Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dengan penuh hormat dan takzim sukacita menyembahkan ucapan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas kurnia titah baginda semasa Majlis Pembukaan

Rasmi Musim Permesyuaratan Yang Kelapan Belas, Majlis Mesyuarat Negara pada 24 Februari 2022 yang lalu.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi. الحمد لله kaola juga ingin merakamkan penghargaan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang menyokong peruntukan sejumlah \$127,524,90 bagi Tahun Kewangan 2022/2023 untuk Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri yang disenarai seperti berikut:

- Sebanyak \$43,75,680.00 untuk gaji pegawai-pegawai dan kakitangan di dalam dan di luar negeri;
- \$69,516,570.00 untuk perbelanjaan berulang-ulang; dan
- Manakala sejumlah \$14,931,840.00 diperuntukkan bagi Perbelanjaan Kemajuan.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. الحمد لله Negara Brunei Darussalam telah berjaya melaksanakan tanggungjawabnya sebagai pengerusi ASEAN pada tahun lepas dengan tema "**We Care, We Prepare, We Prosper**". Keutamaan telah diberikan dalam keselamatan dan kesejahteraan rakyat ASEAN lebih-lebih lagi apabila dunia sedang berhadapan dengan cabaran serantau global yang tidak menentu.

Semasa menjadi Pengerusi ASEAN, Negara Brunei Darussalam telah menghadapi pelbagai cabaran. Salah satu yang paling mencabar adalah penularan wabak *COVID-19* termasuk Varian Delta semasa gelombang kedua melanda negara kita pada bulan Ogos tahun lepas. Memandang impak *COVID-19* meliputi pelbagai aspek kehidupan seperti kesihatan, ekonomi, kesejahteraan dan sebagainya. Adalah patut bagi ASEAN untuk mengambil pendekatan yang holistik dalam usaha pemulihan daripada pandemik tersebut. Negara Brunei Darussalam telah mengambil keputusan sewajarnya dalam menangani wabak *COVID-19* dengan melaksanakan sekatan perjalanan yang ketat sambil berusaha untuk meningkatkan peratus vaksinasi di negara ini.

Dalam hal ini, negara kita tidak bersendirian dalam menghadapi *COVID-19*. Ini terbukti dengan bantuan dan kerjasama yang diterima daripada beberapa negara termasuklah Australia, China, Jepun, Malaysia dan Singapore yang telah menyumbangkan vaksin kepada Negara Brunei Darussalam. Ada juga rakan-rakan lain yang memberi bantuan dalam memudahkan proses untuk mendapatkan vaksin serta memberi sumbangan barang peralatan perubatan dan usaha membantu negara ini menangani penularan wabak *COVID-19*.

Kaola di kesempatan ini, ingin mengucapkan terima kasih kepada semua negara-negara rakan yang telah membantu. Semoga kerjasama baik ini

terus terjalin dengan erat di masa akan datang. Bantuan seperti ini adalah satu manifestasi hubungan yang akrab dan kerjasama dua hala yang aktif di antara Negara Brunei Darussalam dengan negara-negara serantau berasaskan nilai berat sama dipikul ringan sama dijinjing.

Selain daripada itu, *deliverables* Negara Brunei Darussalam juga telah mengambil kira keutamaan-keutamaan negara ini khususnya usaha-usaha ke arah pelaksanaan Wawasan Brunei 2035 seperti pembangunan ekonomi yang mampan, persediaan untuk mengatasi cabaran masa hadapan serta membina keupayaan golongan belia supaya sebagai pengganti dan ketua di masa hadapan.

Dalam masa yang sama di peringkat ASEAN, Negara Brunei Darussalam telah mengetengahkan pelbagai usaha bagi proses pemulihan dari wabak *COVID-19* terutama dalam meningkatkan pembangunan komuniti ASEAN diantaranya ialah mendapatkan persetujuan negara-negara ASEAN untuk menggunakan dana sejumlah US\$10.5 juta daripada *COVID-19 ASEAN Response Fund* bagi mendapatkan vaksin *COVID-19* untuk setiap negara ASEAN termasuk Brunei melalui kerjasama dengan *United Nations Children Fund (UNICEF)*.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Negara Brunei Darussalam juga telah mengetengahkan satu inisiatif yang dinamakan *Bandar Seri Begawan*

Declaration on the Strategic and Holistic Initiative To Link ASEAN Responses To Emergency And Disaster (ASEAN SHIELD). Inisiatif seperti ini bertujuan untuk memperkukuhkan penyelarasan di antara badan-badan sektor ASEAN di peringkat serantau dan badan-badan agensi kerajaan di peringkat kebangsaan. Sehubungan dengan ini, *ASEAN SHIELD* diharapkan akan meningkatkan tindak balas yang cepat dan berkesan dalam menangani pelbagai situasi kecemasan dan menjana di masa akan datang. Negara Brunei Darussalam juga telah mengambil inisiatif untuk memajukan kepentingan kerjasama di dalam menangani pelbagai isu diantaranya ialah isu kesihatan mental yang semakin menjadi-jadi di merata tempat lanjutan *lockdown* berkali-kali, *quarantine order* dan dengan pengasingan diri akibat wabak *COVID-19*.

Dengan terhasilnya *EAS Leaders' Statement On Mental Health Cooperation* yang diluluskan semasa Sidang Kemuncak Asia Timur Ke-16 pada tahun lepas. Negara Brunei Darussalam telah mengajur *EAS Workshop On Mental Health cooperation in the COVID-19 Recovery* bersama Australia. *Workshop* tersebut telah mengongsikan pengalaman dan amalan terbaik mengenai penggubalan dan pelaksanaan dasar berkaitan dengan kesihatan mental yang mana masih mendapat kurang perhatian di peringkat serantau mahupun antarabangsa.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran setiap negara pada masa jangka panjang persediaan mesti bermula pada peringkat awal untuk melahirkan golongan belia yang dinamik, berdaya saing dan mempunyai pengetahuan dan relevan serta berani dan bersedia menghadapi cabaran isu-isu semasa pada masa yang akan datang.

Sehubungan dengan ini, Negara Brunei Darussalam telah melaksanakan satu inisiatif yang dinamakan *ASEAN Junior Fellowship Program*, yang mana program ini akan menyumbangkan kepada peningkatan kapasiti dan pengetahuan secara menyeluruh bagi pegawai-pegawai baru dari setiap negara ASEAN melalui penempatan di Sekretariat ASEAN di Jakarta, Indonesia. Bagi menunjukkan komitmen ke arah memajukan pembangunan Komuniti ASEAN. Negara Brunei Darussalam akan menyumbang dana sejumlah \$100,000 setiap tahun untuk 10 tahun akan datang.

Apabila kita melabur dalam golongan belia melalui program-program seperti ini, mereka akan menghargai kepentingan setia kawan dan persefahaman ke arah menjamin keamanan di rantau ini di masa akan datang. Ini adalah salah satu pengajaran yang harus diterapkan dengan mendalam pada generasi zaman muda sekarang kerana dengan pemahaman ini kita dapat menjaga keharmonian dan keamanan di masa akan datang. Selain daripada itu, rakyat Negara Brunei Darussalam boleh memanfaatkan biasiswa-biasiswa yang ditawarkan

menerusi kerjasama ASEAN seperti *Australia for ASEAN Scholarship* bermula pada tahun lebih daripada dalam lingkungan 10 *scholarship* telah ditawarkan dalam jurusan maritim, ekonomi, *connectivity* dan kerjasama pembangunan.

Ini adalah salah satu hasil daripada usaha Negara Brunei Darussalam dalam mengeratkan hubungan ASEAN dengan Australia khususnya dibawah *Comprehensive Strategic Partnership*. Dari segi pembangunan kapasiti Brunei pula, Negara Brunei Darussalam boleh memanfaatkan kepakaran-kepakaran China di pelbagai bidang teknikal iaitu melalui persetujuan kerjasama teknikal di antara ASEAN dan China untuk meningkatkan kapasiti tempatan dan memenuhi keperluan sumber tenaga manusia. Ini juga merupakan hasil daripada usaha Negara Brunei Darussalam dalam mengeratkan hubungan ASEAN-China sehingga terjalannya *Comprehensive Strategic Partnership* pada tahun lepas. Selain itu ASEAN juga telah mengalu-alukan United Kingdom sebagai rakan dialog baru yang pertama dalam tempoh dua dekad. Status rakan dialog ini akan merintis ke arah kerjasama yang lebih erat di antara negara-negara ASEAN dan United Kingdom.

الحمد لله Negara Brunei Darussalam dan United Kingdom juga pada tahun lepas telah menubuhkan dialog strategik, ini sudah pasti akan mengeratkan hubungan baik terutamanya di dalam bidang-bidang di mana United Kingdom mempunyai kepakaran dan sumber-

sumber yang boleh dimanfaatkan oleh Negara Brunei Darussalam seperti pendidikan tinggi, pelancongan, teknologi dan sains.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Dari sudut ekonomi Negara Brunei Darussalam boleh mengambil peluang untuk meningkatkan aktiviti-aktiviti perdagangan dan pelaburan melalui perjanjian *Regional Comprehensive Economic Partnership (RCEP)* yang telah mula berkuatkuasa 01 Januari lepas. Sebagai kesepakatan perdagangan terbesar di dunia, *RCEP* ini membawa potensi yang amat besar bagi perdagangan serantau termasuk menggalakkan kemudahan perdagangan dan pelaburan *global*. Kaola juga sukacita memaklumkan bahawa ASEAN bersetuju bagi *ASEAN Travel Corridor Arrangement Framework* yang akan memudahkan perjalanan di antara negara-negara ASEAN. Terutamanya dalam fasa pemulihan fasa *COVID-19*. Selain itu, pelbagai usaha lain juga telah diluluskan di antaranya ialah *ASEAN Leaders' Declaration On Upholding Multilateralism dan ASEAN Leaders' Declaration On Blue Economy*. Kesemua inisiatif ini bertujuan untuk menyumbangkan kepada menegakkan sistem antarabangsa berasaskan peraturan dan dalam menggalakkan keamanan, kestabilan dan kemampunan antarabangsa sepertimana termaktub dalam piagam United Nation.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Awalnya pohon yang besar bermula dari sebiji benih, ini adalah satu kata utama. Begitu juga dengan asas dasar luar Negara Brunei Darussalam yang berawal dari titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 01 Januari 1984. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam antara lainnya menitahkan bahawa Negara Brunei Darussalam akan bekerjasama dengan semua rakan untuk mencapai keamanan kemajuan ekonomi dan persahabatan dengan negara-negara lain. Atas dasar kesaksamaan saling hormat menghormati kedaulatan dan integriti wilayah dan di atas prinsip-prinsip tidak campur tangan dalam hal ehwal negara lain.

Sehubungan dengan itu, Negara Brunei Darussalam telah mengamalkan dasar luar negara yang berpandukan kepada prinsip terbaik-baik saling faham-memahami dan tidak mencampuri hal ehwal dalaman negara lain.

Bagi memastikan kedaulatan dan kepentingan negara terus dihormati dan terpelihara, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri juga akan terus berusaha menjaga kepentingan keselamatan negara menerusi dasar-dasar ini di samping meningkatkan dan mengenal pasti bidang-bidang kerjasama dengan negara-negara luar untuk mencapai manfaat bersama serta menaikkan imej negara di arena antarabangsa. Usaha ini diharap akan terus menyumbang keselamatan kesejahteraan dan

pembangunan negara yang berterusan. Keutamaan juga diberikan kepada dialog perundingan rapat dengan negara lain dalam menyelesaikan isu serta menumpuk pemuafakatan dalam kalangan semua pihak yang berkenaan.

Pendekatan Negara Brunei Darussalam adalah untuk melibatkan negara-negara lain secara aman dan *constructive* dengan matlamat untuk mempromosikan muhibbah dan mendapatkan kaedah-kaedah bersama. Kaola percaya semua komitmen ini adalah selaras dengan konsep Melayu Islam Beraja.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, salah satu peranan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri adalah menjadi *focal point* antara agensi-agensi kerajaan Negara Brunei Darussalam dengan pejabat-pejabat perwakilan luar negeri di Bandar Seri Begawan ataupun sebaliknya. Sebagai *focal point* ini, membolehkan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri untuk mempertingkatkan lagi kerjasama dengan negara-negara yang lain, ia juga memberi Kementerian ini gambaran keseluruhan strategik yang membolehkan kementerian ini untuk memberi pandangan yang *constructive* kepada kementerian-kementerian yang lainnya. Ini adalah selaras dengan *Whole Of Nation Approach* yang mana tanggungjawab kementerian ini untuk menjalankan hubungan dengan negara-negara lain termasuk perkara yang berkaitan dengan hubungan politik, hal ehwal ekonomi, hal keselamatan dan mempromosikan hubungan sosio dan budaya.

Melalui pejabat-pejabat perwakilan di luar negara, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri akan bertindak terhadap situasi kecemasan yang boleh membahayakan keselamatan rakyat Negara Brunei Darussalam di luar negara seperti bencana alam, kekacauan orang awam ataupun perang dan penularan pandemik *COVID-19* seperti yang kita alami sekarang.

Seperti kaola pernah terangkan pada tahun-tahun lepas, kaola ingin menyatakan bahawa bagi semua rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam di luar negara atau bagi mereka yang ingin ke luar negara untuk mendaftarkan diri dalam sistem *e-register* di laman web Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri ataupun dengan pejabat perwakilan Negara Brunei Darussalam di luar negara.

Sistem ini akan memudahkan pihak-pihak pejabat perwakilan Negara Brunei Darussalam untuk berhubung dengan mereka semasa keadaan kecemasan di mana mereka berada. Dengan adanya maklumat-maklumat berkenaan, pihak Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Pejabat-Pejabat Perwakilan Negara Brunei Darussalam akan dapat menghubungi rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam bagi memastikan kesejahteraan, kesihatan dan keselamatan mereka.

Maklumat tersebut juga akan membantu Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Pejabat-Pejabat perwakilan Negara Brunei Darussalam menghubungi ahli keluarga yang berkenaan yang berada

di Negara Brunei Darussalam jika diperlukan. Maka akhirnya kaola ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada semua duta-duta besar dan pesuruhjaya-pesuruhjaya tinggi serta kedutaan-kedutaan Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di setiap pejabat perwakilan di luar negara di atas khidmat bakti mereka sebagai barisan hadapan Negara ini di luar negara.

Sekian sahaja yang dapat kaola sampaikan.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebentar tadi kita telah pun mendengar penerangan daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Kedua mengenai dengan penyediaan Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri. Ada tiga orang ahli Yang Berhormat yang suka untuk menyuarakan cadangan mengenai dengan tajuk ini. Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad: Yang Berhormat Pengerusi, saya menarik diri dari menyuarakan kerana sudahpun diterangkan dengan baik oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II tadi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon.

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon:

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

dan salam dengan berkah dan berkecambah. Yang Berhormat Pengerusi, yang pertama tahniah kepada Kementerian Luar Negeri atas peruntukan yang telah diperuntukkan sebanyak \$127,524,090 dan juga mempengerusikan anggota-anggota negara-negara ASEAN pada tahun lepas dengan jayanya, tahniah. Yang Berhormat Pengerusi, kaola terus sahaja kepada soalan mengenai satu soalan. Kita juga ada mengikuti perkembangan berita luar negara, yang kita telah sedia maklum mengenai adanya negara-negara luar, yang sudah mengumumkan terhadap penarikan balik dan kelonggaran beberapa langkah-langkah kawalan pandemik di negara masing-masing yang setentunya bertujuan untuk menggalakkan dan membukakan perjalanan dan pergerakan orang ramai dan menghidupkan ekonomi mereka.

Negara Brunei Darussalam sejak Januari 2022 sedang melalui fasa awal endemik, dan apabila sampai waktunya jua nanti, Negara Brunei Darussalam ان شاء الله juga akan mempertimbangkan perjalanan keluar masuk dengan lebih meluas ke arah menjalani norma-norma kehidupan yang baharu.

Kaola ingin mengetahui sejauhmana perancangan pihak Kementerian di Luar Negeri dalam memantau *Standard Operation Procedure (SOP)* di perwakilan-perwakilan kitani di luar negeri bagi memantau dan memastikan

kesejahteraan warganegara Brunei Darussalam semasa keberadaan mereka di luar negeri sekiranya mengalami antaranya rawatan akibat jangkitan teruk serta menangani situasi-situasi yang melibatkan *تَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ ذَلِكَ* kematian warganegara Brunei Darussalam yang disebabkan oleh jangkitan *COVID-19* dan menghendaki proses pemulangan jenazah ke tanah air menurut garis panduan negara tuan rumah berkenaan. Itu saja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri : Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, Yang Berhormat Pengiran Haji Ali. Mengenai dengan hal ehwal kesejahteraan dan keselamatan setiap kakitangan di kedutaan ataupun suruhanjaya kitani di luar negeri adalah menjadi keutamaan yang penting (*top priority*) kerana sepertimana kaola/peramba nyatakan tadi, mereka ini adalah *frontliner* tetapi di luar negeri. Kalau mengikut ceritanya, pada tahun lepas, keutamaan arahan yang pertama diberikan kepada *mission-mission* ialah untuk mendapatkan *vaccination* kerana mereka mendapatkan vaksin terlebih awal daripada kitani. Seawal-awal bulan April tahun lepas.

Jadi semua *mission* telah diarahkan untuk mengambil mana-mana vaksin yang ditawarkan oleh negara-negara yang mereka menduduki. Kedua, selain

daripada itu mereka juga diarahkan untuk memakai dan melaksanakan *SOP-SOP* sepertimana kita laksanakan di negara ini menurut *SOP* Kementerian Kesihatan. Seperti penjarakan, memakai sungkup muka dan menjauhi daripada kawasan keramaian orang. Di samping itu juga dilaksanakan *Business Continuity Plan* semasa sebelum mereka mendapatkan vaksinasi yang penuh dan pada masa ini memandangkan semua kakitangan di suruhanjaya dan kedutaan di luar negeri sudah mendapatkan vaksinasi mereka yang kedua, dan seterusnya ada yang mendapat *booster*, maka tata cara kerja dipermudahkan sedikit, tetapi masih dengan *SOP* seperti sungkup muka dan penjarakan.

Sekiranya ada kes-kes yang teruk dan yang mengakibatkan kehilangan nyawa, maka kementerian menerusi usaha-usahanya akan memandikan jenazah secara laju dan awal tertakluk kepada permintaan dari pihak keluarga. Ini pernah berlaku pada tahun lepas, seperti kembalinya duta di Mesir. الحمد لله semuanya selesai dilaksanakan. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II. Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi *بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ*

Terlebih dahulu kaola merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan

tahniah atas pembentangan mukadimah oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II. Dalam Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri iaitu Tajuk SC01A dengan jumlah peruntukan \$112,592,250 iaitu khusus untuk kod 114-002 iaitu mengenai dengan pengubahsuaian pejabat Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Bubungan Dua Belas yang mempunyai anggaran belanjawan 2022/2023 berjumlah \$951,640.00 sahaja dengan harga rancangan RKN-11, \$4 juta. Kaola ingin tahu akan perancangan dasar khusus kepada perancangan dasar Bubungan Dua Belas sahaja, iaitu mengenai pengisian dan kepentingan untuk perkongsian dengan orang awam, mungkin juga maklumat sejarah atau ada perkara lain yang boleh menarik minat orang ramai berkunjung ke Bangunan Bubungan Dua Belas ini kerana dari segi nama bangunan sahaja ianya sangat unik. Jadi diharap ada pemberitaan dalam dan luar negara mengenai keunikan bangunan ini. Sekian sahaja terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit di atas pertanyaan yang diajukan. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Bubungan Dua Belas memanglah merupakan salah satu *landmark* ataupun tempat bersejarah dan pihak kementerian memang daripada awal sudah mengetahui dan mengambil maklum mengenai perkara

ini. Jadinya pada masa ini kerja-kerja membaik pulih telah selesai dilaksanakan dan pihak kementerian sedang berunding dengan pihak Kementerian Kewangan dan Ekonomi untuk memajukan tapak tersebut dari segi komersial tertakluk kepada tawaran-tawaran yang dapat diterima ataupun *interest* daripada pihak-pihak swasta yang bila diterima setelah ianya dibuka dengan cara-cara yang disediakan. Jadi pada masa ini syarat-syarat tersebut sedang di *develop* supaya ianya lebih tulus untuk menarik pelabur-pelabur dari pihak swasta. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II atas jawapan yang telah diberikan. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekarang saya kira sudah sampai masanya bagi kita untuk mengundi. Ahli-Ahli bersetuju supaya tajuk ini kita luluskan. Sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda setuju)

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, semuanya bersetuju.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SC01A Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SA01A – SA10A Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita sekarang akan membincangkan Jadual bagi Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan

di bawahnya. Sebelum saya membukakan tajuk ini dibahaskan dan dibincangkan, ada terdapat 5 buah jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri di bawah kategori jabatan-jabatan yang dikatakan tertutup, iaitu Biro Kawalan Narkotik, Biro Mencegah Rasuah, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri, Polis Diraja Brunei dan Jabatan Penyelidikan Brunei. Oleh sebab jabatan-jabatan ini berkaitan langsung dengan hal ehwal strategik keselamatan negara, isu-isu yang akan dibincangkan mungkin perkara-perkara yang sensitif dan tidak bersesuaian untuk dibincangkan secara terbuka maka tidak perlu dibincangkan di Dewan ini. Walau bagaimanapun, saya membukakan pada Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk membahaskan Tajuk-Tajuk di bawah Jabatan Perdana Menteri, ini kemudian saya ingin memberikan peluang kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II untuk membuat kenyataan tentang penyediaan Belanjawan serta hala tuju Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ
 الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Yang Berhormat Pengerusi. Sebelum jawatankuasa ini membincangkan Belanjawan Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan-Jabatan di bawahnya kaola ingin memohon keizinan Yang Berhormat Pengerusi untuk mengongsikan secara am tumpuan dan keutamaan Jabatan Perdana Menteri bagi Tahun Kewangan

2022/2023. Ianya bertujuan untuk memandu perbincangan supaya lebih fokus dan terarah kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan hal ehwal belanjawan yang akan dibincangkan. belanjawan Jabatan Perdana Menteri dirangka bagi mendukung tema Belanjawan 2022/2023 iaitu memperkasa kesejahteraan awam ke arah sosioekonomi yang lebih resilien serta empat keutamaannya iaitu memelihara kesejahteraan awam, menjamin sekuriti makanan, mendukung dan membantu sektor swasta agar berdaya tahan dan berkembang dan meningkatkan kompetensi sumber manusia ke arah *work and future ready*.

Yang Berhormat Pengerusi. Seperti juga Rang Belanjawan 2022/2023 yang dibentangkan oleh kaola sendiri pada sebelah pagi tadi secara umumnya Rang tersebut adalah pada menjunjung tinggi hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerajaan baginda dalam mengukuhkan kemajuan dan kedayatahan sosioekonomi negara demi menjamin kesejahteraan rakyat dan penduduk dan keamanan Negara Brunei Darussalam bagi jangka masa panjang. Ke arah itu berdasarkan tema dan empat fokus utama Belanjawan Negara Tahun Kewangan 2022/2023, Jabatan Perdana Menteri mensejajarkan sasaran keberhasilan strategik yang menumpukan kepada lima matlamat strategik Jabatan Perdana Menteri seperti berikut matlamat pertama urus tadbir yang berdaya maju, Jabatan Perdana Menteri punya peranan utama

dalam memastikan urus tadbir kerajaan yang mantap dan berkesan melalui pengukuhan koordinasi dan kerjasama dalam penggubalan dasar selaras dengan pendekatan *Whole of Government*.

Beberapa inisiatif telah dan sedang dilaksanakan dalam mengukuhkan mekanisma urus tadbir dalam kerajaan antaranya termasuk memantapkan pelaksanaan Wawasan Brunei 2035 melalui penubuhan Jawatankuasa Kerja Wawasan Brunei 2035 dan melaksanakan penyelarasan di antara *Manpower Blueprint*, *Social Blueprint* dan *Economic Blueprint* dalam meneliti dan memantau perkembangan Wawasan Negara.

Sesi perbincangan dan pendekatan bersama setiap kementerian, agensi-agensi kerajaan dan pihak-pihak berkepentingan terus diadakan dan dipertingkatkan melalui pelan komunikasi usaha diteruskan bagi memperkesakan pemberigaan Wawasan bagi memastikan kefahaman dan penghayatan yang mendalam disetiap lapisan masyarakat termasuk ketua-ketua kampung dan penuntut-penuntut bagi sama-sama menjayakan Wawasan Negara.

Di samping itu, kaedah komunikasi yang lebih berkesan sentiasa dipertingkatkan dan diterokai selaras dengan kemajuan era digital masa ini dengan mengambil kira pandangan orang awam dan pihak-pihak berkepentingan termasuk *NGOs*, pihak swasta dan golongan belia.

Memperbaiki aliran proses kerja pengurusan sumber tenaga manusia,

Perkhidmatan Awam dengan pengenalan sistem Sumber Manusia (SSM). Projek ini dikendalikan bersama oleh Pusat Kebangsaan E-Kerajaan, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dan Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Sistem yang diintegrasikan dengan Sistem Taxis 2.0 akan dapat menambah baik pengalaman pengguna atau *user experience* kepada pengguna dari awal lantikan hingga tamat perkhidmatan. SSM juga mengelakkan duplikasi proses serta memudahkan lagi perkhidmatan-perkhidmatan berkaitan seperti elaun-elaun dan perkhidmatan kewangan yang lain.

Pemantauan jawatan-jawatan kosong dalam perkhidmatan awam giat diusahakan dengan mengadakan sesi perjumpaan *bilateral* bersama Setiausaha-Setiausaha Tetap setiap kementerian untuk mengenal pasti *common issue* dalam proses pengisian jawatan kosong. Inisiatif ini ان شاء الله akan dapat menangani isu-isu pengisian jawatan yang setentunya akan menyumbang kepada produktiviti dan pembangunan kapasiti perkhidmatan awam.

Setakat 19 haribulan Februari 2022 daripada sejumlah 454 jawatan Divisyen 1 yang kosong dan di bawah pemantauan sebanyak 140 jumlah jawatan kosong dalam Divisyen 1 telah diisikan melalui sokongan ke Jabatan Perkhidmatan Awam.

Manakala 26 jawatan diisikan melalui sokongan ke Suruhanjaya Perkhidmatan

Awam. Secara keseluruhan bagi semua division jawatan pula sebanyak 2,380 jawatan telah selesai diisi daripada 1haribulan Januari 2021 hingga 31haribulan Januari 2022.

Dalam usaha meningkatkan akauntabiliti dan tadbir urus, agensi-agensi kerajaan, Jabatan Audit berterusan melaksanakan inisiatif-inisiatif antaranya sesi perkongsian dan dialog mengenai penemuan-penemuan audit bersama pihak kementerian dan jabatan serta pengendalian kursus audit.

Dalam pada itu, Jabatan Perdana Menteri bersama Jabatan Audit juga sedang mengemaskini Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri mengenai penubuhan Unit Audit Dalaman di kementerian dan jabatan kerajaan dalam hasrat untuk memperkukuhkan lagi mekanisma dan sistem pemantauan, kawalan-kawalan dalaman serta *check and balance* di setiap kementerian dan jabatan kerajaan.

Di samping pelaksanaan pengukuhan urus tadbir, perkhidmatan-perkhidmatan awam terus diberi tumpuan terutamanya dalam melancarkan penyampaian perkhidmatan kepada orang awam pada waktu langkah-langkah kawalan penggerakkan diadakan berikutan pandemik *COVID-19*.

Diantara contoh termasuk Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam meneruskan pengendalian ujian dan temu duga bagi jawatan-jawatan kosong secara dalam talian.

Pengubalan Undang-Undang Mahkamah Sivil telah membolehkan perbicaraan

diadakan secara maya. Dan Institut Perkhidmatan Awam terus menawarkan kursus-kursus latihan pembangunan bagi warga perkhidmatan awam secara dalam talian.

Beberapa kursus celik undang-undang juga telah dikendalikan oleh Bahagian Keselamatan Penguatkuasaan dan Undang-Undang bersama Pejabat Peguam Negara dan Jabatan Kehakiman Negara. Matlamat kedua, Keselamatan dan Kestabilan Negara.

Di bawah matlamat ini Jabatan Perdana Menteri menumpukan kepada menyediakan persekitaran kondusif bagi pembangunan sosial ekonomi dengan mengukuhkan keselamatan dan kestabilan negara melalui penguatkuasaan yang cekap, undang-undang yang sentiasa relevan dan sistem keadilan yang berkesan.

Diantara usaha-usaha yang dilaksanakan ialah Rancangan Strategik Pejabat Peguam Negara tahun 2021/2023 yang memfokuskan mempertingkatkan pengurusan sumber tenaga manusia dan mempercepatkan penerima pakai teknologi undang-undang bagi mempertingkatkan tahap perkhidmatan perundangan yang efisien, inovatif dan tegas.

Kualiti penghakiman di Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah turut diberi perhatian bagi memastikan sistem keadilan yang kukuh dan berintegriti. Dalam perkara ini Mahkamah Sivil telah menubuhkan unit *In House Judicial Training*, manakala Mahkamah Syariah mengendalikan program-program *human capacity building* bagi Pegawai-

Pegawai Kehakiman dan warga Mahkamah Syariah.

Latihan-latihan kompetensi secara berterusan kepada pegawai dan kakitangan kehakiman dan mahkamah seperti ini akan dapat memelihara kualiti pemberian perkhidmatan dalam undang-undang dan kehakiman yang sentiasa ditahap yang tinggi.

Dari aspek kesiapsiagaan agensi-agensi keselamatan, kapasiti dan keupayaan tenaga kerja keselamatan dan penguatkuasaan khususnya pasukan Polis Diraja Brunei telah dipertingkatkan seperti pengambilan Pegawai Kadet, Inspektor Percubaan *squad* dan Rekrut Polis Tambahan (*APO*).

Di samping itu, ke arah pengukuhan keupayaan dan kapasiti serta khidmat pasukan Polis Diraja Brunei, beberapa projek sedang dikendalikan atau dalam perancangan seperti pembinaan Balai Polis Temburong, penubuhan Akademi Pasukan Polis Diraja Brunei, pembinaan Kem Pengkalan di sempadan negara dan pembinaan Jeti Polis Marin Pasukan Diraja Brunei.

Dalam pada itu agensi-agensi keselamatan dan penguatkuasaan di bawah Jabatan Perdana Menteri iaitu Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri, Biro Mencegah Rasuah, Biro Kawalan Narkotik akan terus berganding bahu dan bekerjasama rapat dalam meningkatkan usaha-usaha mereka ke arah melindungi rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam dari ancaman-ancaman keselamatan dan trend-trend jenayah

seperti kegiatan subversif, penyeludupan dan pengedaran dadah.

Dalam hal ini penglibatan orang ramai juga memainkan peranan yang penting sebagai mata, telinga dan lidah kerajaan dalam kerjasama untuk mencegah dan membanteras kegiatan jenayah khususnya di peringkat masyarakat.

Matlamat ketiga kesiapsiagaan kerajaan Jabatan Perdana Menteri juga memberi kepentingan kepada jalinan dan hubungan kerjasama yang kukuh antara agensi-agensi kerajaan serta pengupayaan dan pengurusan tenaga kerja dan aset-aset kerajaan.

Penekanan dan usaha yang dilaksanakan termasuk dalam memastikan kesinambungan fungsi-fungsi utama kerajaan khususnya dalam menghadapi situasi Pandemik *COVID-19*. Jabatan Perdana Menteri telah memainkan peranan penting dalam menyelaras dasar-dasar kerajaan di bawah Pelan Pemulihan Kebangsaan *COVID-19*.

Perkara ini adalah merupakan usaha secara *Whole Of Nation Approach and Whole Of Government Approach* dengan penglibatan setiap kementerian di peringkat jawatankuasa pandu dan juga 8 buah *taskforce* yang ditubuhkan untuk meneliti pemulihan perniagaan atau *Business Recovery*, Strategi kesihatan, hal ehwal kesejahteraan dan kebajikan penguatkuasaan, hal ehwal rentas sempadan, hal ehwal pendidikan, jaminan keselamatan makanan dan strategi media dan Perhubungan Awam.

Dalam menerapkan budaya kesiapsiagaan di kalangan perkhidmatan awam bagi memastikan ketersediaan masa hadapan atau *future readiness*. Pengukayahaan anugerah inovasi perdana *AIP* adalah sebagai *platform* untuk meningkatkan inovasi dan usaha-usaha pemodenan dalam Perkhidmatan Awam ke arah mengukuhkan kerajaan sebagai sebuah kerajaan yang *future ready* bukan sahaja untuk menghadapi cabaran masa hadapan tetapi juga siapsiaga dalam meraih peluang-peluang pembangunan negara.

Matlamat keempat keberhasilan yang memfokuskan kepentingan negara dan masyarakat, kesejahteraan rakyat dan penduduk sentiasa menjadi tumpuan lebih-lebih lagi pada waktu yang sangat mencabar ini dalam situasi pandemik *COVID-19* yang telah menjejaskan pembangunan sosioekonomi negara.

Usaha-usaha dalam memastikan kesejahteraan rakyat dan penduduk berterusan dipelihara antara lainnya termasuk pemedulian orang ramai dalam pemberian perkhidmatan-perkhidmatan awam diberikan tekanan dan perhatian melalui Jabatan Perkhidmatan Pengurusan yang berperanan sebagai *focal point* untuk menghadapi aduan dan dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan pemeriksaan dan konsultasi mengenai kualiti perkhidmatan.

Pada Tahun Kewangan 2020/2021 sebanyak 94.7% daripada aduan yang diterima telah dapat diselesaikan. Dalam perkara ini satu sistem e pemedulian

pelanggan akan disediakan bagi memudahkan lagi orang ramai menghadapi aduan sebagai *feedback mechanism* ke arah peningkatan keberkesanan perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan kepada orang ramai.

Melalui *ManPower Planning and Employment Council* (MPEC). Dalam pada itu projek-projek kolaborasi dengan institusi-institusi latihan dan sektor industri turut giat dilaksanakan sepanjang tahun termasuk penyediaan program-program kompetensi dan mengadakan acara-acara pengambilan pekerjaan di antara bidang-bidang pekerjaan yang dipromosikan adalah dalam sektor tenaga, pembinaan, marin, pelancongan dan ICT.

Di samping itu dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, sesi *engagement* diadakan khusus untuk penerima-penerima Bantuan Kebajikan Bulanan BKB bagi mempersiapkan golongan tersebut untuk mencari pekerjaan melalui pendaftaran di Job Centre Brunei ataupun JCB.

Ke arah memperkukuhkan kesejahteraan awam melalui pelaksanaan dasar-dasar sosial Jabatan Perdana Menteri bersama dengan Majlis Kebangsaan Isu Sosial (MKIS). Dalam pembentukan sosio *blueprint* Wawasan Brunei 2035 telah menjalankan analisis keadaan semasa yang melibatkan beberapa isu bersifat *cross cutting*. *Blueprint* ini bertujuan sebagai rujukan negara untuk jangka masa akan datang yang akan membimbing dasar dan strategi agensi-

agensi berkepentingan bagi memastikan pembangunan sosio di negara ini selaras, sepadu dan berkesinambungan dengan rangka kerja Wawasan Brunei 2035.

Pembentukannya yang berpaksikan kepada maqashid Syariah akan menyentuh berbagai aspek sosial termasuk pendidikan, kesihatan mental, keselamatan sosial, perhubungan teknologi, infrastruktur persekitaran, masyarakat, pekerjaan dan mobiliti sosial.

Matlamat yang kelima organisasi yang cemerlang dan mantap. Di bawah matlamat strategi yang keempat. Organisasi yang kelima, organisasi yang cemerlang dan mantap Jabatan Perdana Menteri secara berterusan melaksanakan inisiatif bagi mencapai kecemerlangan dan produktiviti organisasi antaranya memperkesakan pengurusan bakat kepimpinan dan mempertingkatkan kemahiran dalam perkhidmatan awam.

Melalui program-program pembangunan di bawah *Leadership pipeline*, YEP, EDPMO dan EDPSGO serta latihan-latihan kemahiran bagi warga perkhidmatan awam yang diungkayahkan oleh Institusi Perkhidmatan Awam dengan kerjasama IPT- IPT di negara ini seperti UBD, UNISSA, UTB, KUPUSB, IBTE dan sebagainya. Di samping itu, Jabatan Perdana Menteri juga telah mengenalkan kemudahan bagi pegawai dan kakitangan untuk mengikuti kursus-kursus secara separuh masa dengan yuran pengajian ditanggung oleh

kerajaan melalui Skim Latihan Dalam Perkhidmatan.

Kesimpulannya dengan izin الله سبحانه وتعالى jua Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan-Jabatan di bawahnya sentiasa menjurus kepada matlamat-matlamat Wawasan Brunei 2035 dengan pendekatan *Whole of Nation Approach* melalui strategi-strategi yang digariskan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli Ahli Yang Berhormat Jabatan perdana Menteri akan terus berusaha untuk menguruskan perbelanjaan yang diperuntukkan dengan berhemah dan memastikan setiap perbelanjaan akan menghasilkan impak positif dan signifikan kepada rakyat, penduduk dan negara secara berterusan melalui perlaksanaan keutamaan- keutamaan atau prioriti Jabatan Perdana Menteri berasaskan itu Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi Tahun Kewangan 2022/2023 telah disokong untuk disediakan peruntukan untuk Gaji Kakitangan dan Perbelanjaan Berulang-Ulang berjumlah sebanyak B\$361,333,260 juta.

Perbelanjaan Kemajuan yang disokong pula berjumlah \$23,617,210 juta. Menjadikan peruntukan keseluruhan Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya yang disokong berjumlah B\$384,950,470.

Sekianlah sahaja secara ringkas yang dapat kaola terangkan mengenai dengan Belanjawan Jabatan Perdana Menteri dan

jabatan-jabatan di bawahnya bagi Tahun Kewangan 2022/2023.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi sebelum mengakhiri kaola ingin memaklumkan bahawa 5 buah jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri adalah jabatan-jabatan yang tertutup iaitu Biro Kawalan Narkotik, Biro Mencegah Rasuah dan Jabatan Keselamatan Dalam Negeri, Pasukan Polis Diraja Brunei dan Jabatan Penyelidikan Brunei.

Oleh sebab jabatan-jabatan ini adalah berkaitan langsung dengan hal ehwal strategik keselamatan negara yang mana isu-isu yang akan dibincangkan mungkin perkara yang sensitif dan tidak bersesuaian untuk dibincangkan secara terbuka.

Maka, kaola memohon pertimbangan Yang Berhormat Pengerusi supaya bajet bagi jabatan-jabatan tersebut tidaklah perlu dibincangkan. Tidak ketinggalan juga bagi perkara-perkara yang berkenaan di bawah Jabatan Adat Isitadat Negara.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang kita akan membincangkan Tajuk-Tajuk

SA01A-SA10A. Tajuk-Tajuk ini akan dibukakan untuk dibahaskan.

Sebelum itu, saya ingin mengingatkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat bahawa oleh sebab kita mempunyai satu target untuk kita perlu meluluskan belanjawan tahun ini, maka saya minta kerjasama semua Ahli-Ahli Yang Berhormat supaya kita akan dapat menumpukan perhatian kita kepada perkara-perkara yang perlu dan mengelakkan perkara-perkara yang sudah dibincangkan di tahun-tahun yang sudah, ditimbulkan semula ataupun ditanyakan balik-balik. Kita tumpukanlah perhatian kita supaya pekerjaan kita akan dapat berjalan dengan lancar ان شاء الله. Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Saya cuma ingin menyentuh mengenai dua perkara iaitu:

1. SA01A - Jabatan Perdana Menteri
 - i. Pengurusan Teknologi Maklumat dan Pembangunan Perkhidmatan Digital. Dengan peruntukan yang diberi selain daripada gaji kakitangan itu \$1,376,610.00 di bawah Pengurusan Pembangunan Teknologi Maklumat, apakah perkembangan yang ada di dalam memodernisasikan pekhidmatan pihak kerajaan pada masyarakat? Masih didapati perkhidmatan menggunakan surat di mana ianya boleh dihantar melalui emel contohnya serta menggunakan teknologi yang *outdated*, contoh

yang diberi oleh orang ramai ialah proses permohonan yang dapat dinilai secara digital seperti permohonan di atas talian masih memerlukan penelitian secara manual atau menghantar permohonan secara manual sekali lagi.

2. SA10A – Jabatan Perkhidmatan Awam

- i. Di antara tahun 2014 dan 2020, purata pendapatan bulanan dalam kalangan penduduk tempatan menurun sebanyak 18% seperti yang dilaporkan oleh *Key Indicator of Labour Market* dan Kajian Tenaga Kerja 2020.

Menurut kajian dari *Centre of Strategic Policies Studies* pada tahun 2009, *reservation wage* ialah gaji minima seseorang bersedia untuk menerimanya. Ianya ditentukan oleh pelbagai faktor seperti latar belakang pendapatan keluarga, jangka masa mencari pekerjaan, jumlah tawaran kerja yang diterima, jenis pekerjaan dan kos untuk bekerja termasuk pengangkutan, pakaian, peranti dan komunikasi.

Pendek kata, jika gaji yang diberikan adalah tidak sesuai dengan situasi semasa, ianya adalah lebih tinggi kosnya untuk bekerja berbanding dengan tidak bekerja. Berikutan dengan isu *reservation wage* ini, adalah perlu pihak kerajaan untuk memastikan kualiti kehidupan dan taraf hidup adalah memenuhi

jangkaan lepasan pelajar dan graduan.

Di ambil maklum pada masa ini, bagi pihak swasta isu *progressive minimum wage* tengah ditunduki sesuai dengan kelulusan dan pengalaman. Tetapi bagi sektor kerajaan bagaimana pula?

Kaji semula tangga gaji secara keseluruhan terakhir ialah pada tahun 1999 dan jika dibiarkan pihak kerajaan boleh menghadapi isu seperti *retention of talent* yang akan menjadi lebih mencabar.

Fenomena *brain drain* merujuk kepada proses di mana sesebuah negara kehilangan pekerja berpindah ke negara lain malah ianya juga boleh terjadi dari perpindahan daripada perkhidmatan awam ke swasta.

Soalan-soalan saya ialah:

- i. Berapa ramai sudah pegawai dan kakitangan di dalam sektor awam kita yang berhenti kerana mencari gaji dan *environment* yang lebih baik di sektor swasta? Jika ramai adakah dilaksanakan *exit interview* untuk mengetahui dan memastikan tidak ada ketirisan dalam kerjaya individu tersebut dan penambahbaikan akan dibuat bagi kerjaya di perkhidmatan awam.
- ii. Apakah usaha pihak kerajaan di dalam *talent retention* ini bagi semua bahagian tanggagaji dan pada yang masa memberi perancangan

yang bersistematik bagi persediaan persaraan dan tidak hanya menghadiri kursus persediaan persaraan beberapa tahun saja lagi. Malah ada yang memberitahu mereka cuma menghadiri beberapa bulan sahaja sebelum bersara.

- iii. Apakah usaha untuk memastikan gaji yang diberikan adalah bersesuaian dengan kelulusan dan pengalaman yang dimiliki. Di mana jika ianya berterusan, persaraan akan setentunya mencabar bagi ramai pekerja di sektor kerajaan. Cadangan saya ialah untuk keperluan pihak kerajaan menilai semula tanggagaji bagi seluruh jentera kerajaan pada masa sekarang. Merancang semula program kerjaya dan juga program persediaan persaraan bagi semua jentera perkhidmatan awam untuk disediakan lebih baik.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga atas soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Soalan pertama mengenai dengan digital, kenapa masa ini kita masih lagi kita banyak pakai dokumen fizikal. Perkara ini memang sentiasa kita *improve* sedapat-dapatnya kita masa ini digalakkan supaya kita semua pakai digital. Bukan saja di Jabatan Perdana Menteri, kementerian-kementerian lain

juga, beberapa pejabat dan bahagian sudah mulai menggunakan digital seperti di Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Orang ramai boleh *upload* dokumen-dokumen untuk pembayaran dan sebagainya. Apa lagi yang masa ini menghadapi *COVID-19* ada *movement restriction*, lagitah kita lagi menggalakkan orang ramai menggunakan digital format.

Soalan yang kedua mengenai dengan perkhidmatan awam yang mana beberapa pegawai dan kakitangan kerajaan sudah pindah kepada *private sector*. Kaola masa ini tidak terdapat statistiknya tapi barangkali dalam *exit interview* itu, kadang-kadang pegawai atau kakitangan tidak juga menerangkan kenapa mereka pindah, atas gaji kah atau *working environment* ataupun sebab-sebabnya. Tapi dalam negeri ini, tidak kira orang kita bekerja di sektor awam atau swasta. Ini semua bagi keuntungan negara sebenarnya di mana-mana saja ia bekerja.

Walaupun kita sekiranya ada sebahagian orang Brunei, ia kerja di luar negeri, itupun satu perkara yang bukannya buruk. Oleh sebab kalau mereka kerja di luar negeri, mereka akan ambil *experience*. Satu hari ان شاء الله mereka akan balik dengan dapat dikongsikan mereka punya *experience* dengan orang kita.

Talent retention adalah satu perkara kalau dilihat perkhidmatan awam ini, di mana-mana kementerian tiap-tiap tahun disediakn peruntukan untuk

training, meningkatkan lagi kemahiran dan sebagainya. Itulah kita sentiasa meningkatkan lagi kemahiran dan *experience* bagi pegawai. Jadi yang *important* untuk *retention talent* ini, kita yang penting *create* yang *working environment* yang seusai. Jadi mereka punya *expertist* itu dapat mereka di *apply*.

Jadi yang satu lagi mengenai kursus persaraan, ان شاء الله ini memang satu perkara yang difokus oleh Tabung Amanah Pekerja. ان شاء الله dengan skim baru ini nanti satu *improvement* di dalam skim baru ini, pada masa ini tidak dapat kaola kongsi secara *detail*, ان شاء الله mungkin apa yang dicadangkan bagi kursus persaraan ini kira *less* kritikal dibandingkan dengan skim yang ada pada masa ini.

Lagi satu mengenai dengan gaji yang bersesuaian. Kalau di lihat pada masa ini, memang kitani akan majukan ekonomi kitani, akan dibangun lebih *advance* lagi ekonomi kitani ini. Di bandingkan masa ini, gaji di pihak awam dan pihak swasta, memang di pihak swasta mungkin ada rendah sedikit dibandingkan dengan perkhidmatan awam, *because* di perkhidmatan awam ada lagi macam-macam kemudahan.

Jadi kitani mesti juga memikirkan, kalau kitani hendak meng*adjust* lagi gaji di perkhidmatan awam, ini ada *negative implication* kepada pihak swasta *especially* pada waktu ini, kitani hendak menggalakkan supaya ekonomi ini kitani mengharapkan *private sector* ini *to be driven by private sector*, ان شاء الله. Tapi

memang gaji ini, memang kitani mesti di *review* juga tapi pada masa ini belum lagi masanya.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya mempersilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. الحمد لله, kaola membawa Tajuk SA08A – Radio Televisyen Brunei (RTB). Pada masa ini *trend* penonton dunia maya yang kurang minat menonton televisyen dan beralih kepada *YouTube*. Apakah usaha RTB untuk meningkatkan keramaian penonton di RTB? Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:

Itu sahaja? Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Memang ini ada satu cabaran dihadapi sejak beberapa tahun sudah. Memang kalau dibandingkan dengan zaman dahulu. Zaman dahulu memang option (*pilihan*) kitani itu *limited*, kalau dibandingkan dengan sekarang ini, macam-macam program kitani dapat melihat melalui *YouTube*, *Netflix* ataupun masa ini masih ada Astro juga dengan program-program di luar negeri.

Jadi apa yang penting bagi RTB ان شاء الله, kitani memikirkan apa yang program-program yang tidak terdapat di *channel-*

channel di luar negeri itu yang seperti di *YouTube* atau di *Netflix*. Yang penting RTB memainkan satu peranan yang penting untuk *promote* keugamaan, kebudayaan dan sebagainya. Jadi itulah barangkali lain program kitani dari RTB dibandingkan dengan yang ada di luar negeri itu.

Memang tarikannya memang lain, di *YouTube* macam-macam kitani dapat lihat, RTB memang kitani tidak dapat *compete* dengan program itu. Kalau mereka ada sudah melihat daripada *YouTube* atau *Netflix* biarkan mereka melihat dari sana sahaja.

Yang penting RTB memikirkan apa lagi program-program yang mustahak kepada kitani bagi *especially* belia-belia kitani agar dapat meningkatkan mereka punya *understanding* ataupun mereka punya *knowledge* kepada sejarah, kebudayaan kitani dan seperti yang kaola terangkan tadi, keugamaan dan sebagainya. Itulah barangkali satu hala tuju, ان شاء الله.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon.

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon: Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin mengajukan soalan berkenaan dengan Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Jabatan Perdana Menteri. Sebagaimana kita maklum, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah ini telah pun dirasmikan

pembukaannya pada 12 Oktober 2019 oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang disempurnakan dengan Majlis Perasmian Majlis Ilmu, 2019.

Dengan tertubuhnya balai khazanah ini menjadi satu tanda mercu kejayaan negara dalam usaha menjadikan negara sebagai pusat khazanah ilmu bagi kemajuan Islam. Dalam usaha penubuhannya mencapai 2 tahun lebih ini, kaola ingin bertanya, apakah perkembangan yang telah dicapai oleh balai khazanah ini memandangkan objektif penubuhannya bukan hanya sebagai balai pameran atau pusat pelancongan bahkan ia mendukung konsep ketamadunan yang lebih komprehensif yang mampu menghidupkan budaya ilmu melalui pemberigian dan pengendalian aktiviti-aktiviti keilmuan.

Apakah ada perancangan yang dibuat untuk melaksanakan aktiviti kajian dan penyelidikan dengan kerjasama institusi-institusi pengajian tinggi dan apakah ada hasrat untuk menjayakan apa-apa aktiviti atau program ilmiah yang boleh mengumpul para cendekiawan dan ilmuan Islam di peringkat serantau dan antarabangsa? Adakah peruntukan khas bagi maksud kaola tadi?

Kaola penuh yakin dengan keupayaan kita yang dapat menubuhkan pengajian tinggi dalam bidang ugama, mempunyai

Institut Pengajian Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanah Bolkiah bahkan mampu membina balai khazanah warisan Islam yang tersergam indah dengan pengisian yang penuh ilmiah nanti.

Maka Negara Brunei Darussalam akan lebih terkenal sebagai negara yang mewarisi khazanah dan budaya Islam yang unggul dan terpelihara.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih atas soalan yang diajukan oleh Ahli Yang Berhormat tadi mengenai dengan Balai Khazanah Islam. Kaola pada masa ini belum dapat menjawab menjawab soalan ini sepenuhnya. Apa yang dapat kaola jawab ialah pada masa ini, balai ini baharu ditubuhkan 2 tahun.

Mula-mula ia ditubuhkan belum lagi ada kakitangan sepenuhnya, jadi usaha-usaha untuk menubuhkan satu pasukan ataupun kakitangan untuk menjaga balai ini baru kemudian ditubuhkan. Selepas itu barulah dilaksanakan beberapa kerja-kerja untuk menjalankan balai ini.

Memang ada hasrat untuk dibukakan kepada belia-belia dan kanak-kanak sekolah dan sebagainya. Jadi pada masa ini kaola belum dapat maklumat-maklumatnya dan jika diizinkan, Jabatan Perdana Menteri nanti akan menjawab secara bertulis, ان شاء الله.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Kaola ingin merujuk Tajuk SA01A – Jabatan Perdana Menteri. Seperti mana yang kita maklumi bersama, bahawa Peraturan Kewangan telah pun dipinda dan akan dikuatkuasakan mulai 1 April 2022. Dalam hubungan ini:

1. Bilakah pula Peraturan-Peraturan (Lantikan-Lantikan dan Kenaikan-Kenaikan Pangkat Pegawai-Pegawai Kerajaan 1961), yang dikenali juga dengan nama *General Orders* akan dibuat pindaan mengikut kesesuaian dan keadaan perubahan pada masa ini?;
2. Bercakap mengenai Wawasan Negara 2035, sukacita kiranya dapat menghuraikan kedudukan negara setakat ini dalam pencapaiannya ke arah merealisasikan Wawasan Negara 2035. Adakah proses yang dilalui berjalan lancar ataupun sebaliknya?; dan
3. Sejauh manakah dalam penyediaan pekerjaan yang produktif dan pembangunan negara yang lebih mantap?;

Kemudian, sukacita kaola merujuk, di bawah Tajuk SA08A - Radio Televisyen Brunei (RTB). Radio Brunei akan memasuki usia ke-64 tahun pada 2 Mei 2022. Dari 2 saluran (*channel*) sudah bertambah kepada 5 saluran (*channel*) dengan tujuan dan harapan dapat

menyalurkan maklumat kepada golongan masyarakat melalui 5 saluran berkenaan dan setiap saluran ada sasaran penayangannya. Akan tetapi pada hari ini, kelima saluran (*channel*) radio berkenaan sudah menyiarkan bahan serupa dan sukar untuk membezakan saluran (*channel*) radio berkenaan.

Kesimpulannya, jika semua saluran (*channel*) radio sudah hampir sama isi kandungan dan persembahannya, adalah dicadangkan lebih baik hanya 2 saluran (*channel*) radio seperti mana tahun 60-an dahulu. Dengan adanya pengurangan ini, sedikit sebanyak mengurangkan perbelanjaan negara.

Itu sahaja, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Nampaknya ada 3 soalan daripada Ahli Yang Berhormat tadi:

1. Mengenai kenaikan pangkat, apa yang dapat kaola kongsi pada masa ini ialah memang kenaikan pangkat ini ada tatacaranya dan memang sentiasa dipantau tetapi mesti ikut prestasi-prestasi dan sebagainya. Mudah-mudahan itu sudah dikira menjawab soalan tadi.
2. Mengenai Wawasan Negara 2035. Seperti kaola tadi terangkan dalam mukadimah tadi, ada 3 jawatankuasa ditubuhkan. Jawatankuasa ini

meneliti setiap matlamat secara mendalam dan kerja-kerja yang dibuat sebelum ini memang diteruskan. Jawatankuasa ini juga ditubuhkan supaya dapat dapat sama-sama memikirkan *blueprint* bagi setiap matlamat, umpamanya matlamat yang ketiga iaitu ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

Memang pada masa ini, seperti yang pernah dikongsikan, *Economic Blueprint* ini sudah pun dilancarkan. Dari itu, kita boleh menjadikan ia sebagai satu gading prinsip bagi kita memikirkan langkah-langkah untuk kita mencapai matlamat tersebut.

3. Mengenai matlamat pertama, iaitu rakyat yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi dan berjaya. Pada masa ini kitani sedang menyediakan matlamat *blueprint*, bekerjasama dengan beberapa agensi yang berkepentingan *Manpower Planning Economic Council (MPEC)*, Kementerian Pendidikan dan sebagainya.
4. Matlamat kedua iaitu *Social Blueprint* pun sama juga disediakan. Jadi bagi setiap matlamat, memang ada *key indicator* masing-masing. Bagi pendidikan misalnya, kitani pakai *PISA*, yang menjadi satu *indicator*. Dalam *blueprint* matlamat tersebut, ada lagi kitani memikirkan lagi ada indikator lain yang lebih sesuai atau sama-sama dapat dipakai untuk kitani pantau pencapaian kitani.

Bagi ekonomi, memang beberapa *outcome* seperti *employment* KDNK kitani, *trade volume* kitani dan sebagainya. Jadi itulah beberapa *indicator* telah ditetapkan yang kitani pantau pada masa ini.

5. Bagi matlamat ketiga, memang sentiasa dipantau oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi dari segi pencapaian kitani. Terima kasih.

Seterusnya mengenai RTB. Pada masa ini 5 saluran (*channel*), iaitu Nasional FM, Pilihan FM, Pelangi FM, Harmoni FM dan Nur Islam FM. Memang bagi setiap saluran (*channel*) itu, tema dan fokusnya memang berlainan. Ini satu peluang untuk kitani membuat promosi belia kitani yang berminat dengan bidang pengacaraan dan dengan sendirinya ada peluang mereka menggiatkan inovasi dan mengubah program-program dan sebagainya.

Kebanyakan pengacara radio pun bukan bertugas secara sepenuh masa. Sebenarnya kebanyakan mereka bertugas bertugas secara separuh masa dan dalam sehari itu mereka cuma bertugas selama 3 jam, dan mereka juga ada mempunyai pekerjaan lain dan ini tidak menggunakan bajet yang tinggi. Tapi yang penting dilihat hasil yang ringan, kitani mempromosi lebih kepada lebih banyak pilihan, dan belia yang berminat untuk mendengar radio saluran (*channel*) Nasional FM atau Pilihan FM, yang masing-masing juga ada tarikannya sendiri.

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan sekarang, Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Memandangkan Usul yang kaola akan utarakan sudah pun disampaikan oleh rakan-rakan yang lain, maka kaola menarik diri dari menyampaikan Usul.

Sekian disampaikan, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin menyentuh, membahaskan mengenai Tajuk SA10A – Jabatan Perkhidmatan Awam.

Dalam beberapa kesempatan kaola, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara bermuzakarah dengan Jabatan Perdana Menteri, seingat kaola sendiri ada membawa satu usul semasa muzakarah

itu dalam dua sesi muzakarah iaitu cadangan kaola supaya diadakan semacam ikrar atau lebih kuat lagi sumpah pegawai dan kakitangan Kerajaan yang menekankan sebenarnya mereka itu memikul tugas dan tanggungjawab sebagai jentera pembangunan negara.

Ini kaola utarakan saranan atau cadangan itu pada melihat, pada pangamatan kaola penjawat awam kita akhir-akhir ini macam kehilangan fokus, apa lagi dalam suasana negara dilanda pandemik atau endemik *COVID-19*. Banyak di antara pegawai-pegawai penjawat awam telah disuruh bekerja dari rumah dan sebagainya.

Jadi fokus itu makin berkurang usulnya kita tidak pasti sama ada kerja *at home* itu mereka bekerja atau pun seperti kata Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri hari itu semasa muzakarah bukannya *holiday*. Jadi kita mahu mereka itu fokus dan sentiasa komited atau pun merasa yang mereka itu adalah bertanggungjawab bagi menjayakan pembangunan negara sebagai pegawai dan kakitangan kerajaan.

Jadi sumpah ini atau ikrar itu bolehlah dilaksanakan semasa mereka mula-mula dilantik atau melapor diri dan ikrar dapat dibuat pada setiap kali pada sambutan Hari Perkhidmatan Awam. Faedahnya adalah untuk kita menanamkan rasa lebih bertanggungjawab dan komited pegawai-pegawai itu kepada kerja mereka dengan penuh amanah dan berdedikasi.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri semasa muzakarah telah pun mengatakan itu satu idea yang baik, tetapi nampaknya belum adalah barangkali langkah-langkah yang konkrit kearah itu.

Jadi, kaola bawa di sini di Majlis Mesyuarat Negara supaya ada satu langkah-langkah yang lebih ke hadapan. Demikian Yang Berhormat Pengerusi yang dapat kaola sampaikan. Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih jua kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim terhadap soalan yang diajukan tadi.

Sepertimana yang dikongsikan semasa muzakarah dengan Jabatan Perdana Menteri, ini adalah satu idea yang bagus, bukan saja dibuatkan ikrar sekali saja. Ini satu perkara yang perlu diingati balik-balik kepada pegawai atau kakitangan Kerajaan, itu satu idea yang bagus. Muzakarah dengan Jabatan Perdana Menteri ini baru beberapa minggu yang lalu barangkali belum ada *concrete idea*, memang perkara ini akan dibawa untuk sama-sama difikirkan apa cara-caranya yang lebih sesuai untuk kita memenuhi hasrat ini.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ Kaola akan membahaskan menyentuh Tajuk SA08A – Radio dan Televisyen Brunei yang peruntukannya diberikan sebanyak \$40,411,460.00.

الحمد لله visi Radio dan Televisyen Brunei **‘Sentiasa Bersama Biskita’**. Mempaparkan berbagai rancangan dan informasi khusus bagi para penonton yang menyaksikannya dan semakin melangkah ke era penyiaran global *RTBGo* juga memainkan peranan yang tepat untuk dapat ditonton di dalam dan di luar negeri.

Saya ingin menerangkan kepada pihak Radio dan Televisyen Brunei khususnya pengisian rancangan atau bahan agar dapat lagi dipelbagaikan. Kalau kita lihat sekarang ramai dari kalangan anak-anak tempatan sudah mulai berkarya membuat rancangan yang menarik, pengisian yang tepat, menyampaikan mesej dan lain-lain lagi.

Justeru itu, saya ingin memberikan pandangan atau pun cadangan kiranya mereka yang menceburi bidang penyiaran atau industri kreatif agar dapat diberikan mereka ini peluang untuk mempelbagaikan lagi rancangan-rancangan tv. Bukan saja khusus bagi syarikat-syarikat penerbitan yang sudah

berdaftar dengan Radio dan Televisyen, tetapi berikanlah peluang kepada anak-anak tempatan yang juga mempunyai kreatif untuk menerbitkan program yang cantik dan menarik.

Dari sini jua, mereka dapat menerima hasil dari karyanya. Mungkin pihak Radio dan Televisyen akan dapat memberikan mereka ini dorongan. Jangan mematahkan semangat mereka untuk berkarya. Beri jalan untuk mereka menerbitkan beberapa rancangan untuk Radio dan Televisyen, bukan bermaksud menerima idea mereka secara langsung tetapi haruslah jua ada batas dan tapisan mengikut *standard* penyiaran.

Dari segi pembayaran, haruslah jua pihak berkenaan menilai karya mereka bukan setakat menetapkan harga yang murah tetapi tidak setaraf dengan operasinya. Begitu juga dengan syarikat-syarikat penerbitan iaitu *production house*. Mereka ditawarkan beberapa projek tetapi harga yang ditawarkan sangat rendah. Dari itu, saya sarankan kepada pihak berkenaan agar menilai kembali harga-harga projek rancangan tv dan radio yang bersesuaian.

Ada juga syarikat-syarikat yang dilantik dan ditawarkan secara berkontrak selama beberapa tahun untuk membantu beberapa unit di dalamnya bagi mengendalikan penggambaran dan penyuntingan, pembayaran yang mereka terima secara bulanan juga rendah. Jika sudah menerima pembayaran rendah kakitangan-kakitangan atau kru-kru yang bekerja di sesebuah syarikat tersebut juga menerima gaji yang rendah

sedangkan mereka mempunyai kemahiran serta berpengalaman.

Saya juga ingin menyarankan tentang pembayaran kepada artis-artis tempatan, penyampai-penyampai televisyen dan radio serta sesiapa saja yang melibatkan diri untuk rancangan-rancangan yang diterbitkan, selaraskanlah pembayaran dengan kerjanya.

Perlulah dinilai bayaran yang mereka terima, bukan bayaran yang terlalu rendah. Mungkin dengan cadangan ini, akan dapat lagi menarik perhatian para penonton. Kita tidak mahu para penonton kitani beralih ke saluran lain. Kalau dapat kita cuba buat yang terbaik untuk para penonton di luar sana. Maka dari sekarang mulakanlah sedikit perubahan kerana perubahan boleh menjadikan peningkatan ingatlah kepada visi RTB "Sentiasa Bersama Biskita".

Sekian Yang Berhormat Pengerusi.
والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih jua kepada Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman atas soalnya mengenai RTB. Pada masa ini penglibatan orang ramai dalam industri kreatif ini memang sudah meningkat.

Mudah-mudahan dimasa hadapan akan menjadi satu industri yang berstruktur dengan sendirinya ada *costing* nya dan sebagainya. Itu dengan sendirinya meng *establish* pembayaran dan sebagainya. Tapi atas cadangan Yang Berhormat

Pengiran itu tadi, kaola ambil maklum pada masa ini ان شاء الله. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat kita telah meneliti Tajuk SA01A hingga SA010A dan sekarang saya undi, Ahli-Ahli yang bersetuju supaya Tajuk yang berkenaan ini diluluskan sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SA01A hingga Tajuk SA010A dijadikan sebahagian daripada Jadual daripada Jabatan Perdana Menteri.

Tajuk SA11A hingga Tajuk SA26A.

Yang Berhormat Pengerusi: Tajuk-Tajuk SA11A hingga Tajuk SA26A. Ahli-Ahli yang bersetuju supaya tajuk-tajuk ini diluluskan sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SA11A hingga Tajuk SA26A dijadikan sebahagian daripada Jadual Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang saya suka untuk menanggungkan Mesyuarat Jawatankuasa kita dan kita akan bersidang semula dalam Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditanggungkan)

**(Majlis Mesyuarat bersidang
semula)**

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita telah pun bersidang sejak pagi tadi dan saya kira masanya sudah tiba bagi kita untuk menangguhkan majlis ini. ان شاء الله kita akan bersidang semula pada esok hari iaitu hari Ahad, 27 Februari 2022, mulai daripada jam 9.30 pagi.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)